



PERUTUSAN YB MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR SEMPENA HARI OZON ANTARABANGSA PADA 16 SEPTEMBER 2016

**DATO SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI
TUANKU JAAFAR**
MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR

Lapisan ozon penting bagi melindungi kehidupan di muka bumi daripada sinaran ultra ungu (UV) matahari yang berbahaya. Lapisan ozon semakin menipis akibat daripada tindakbalas bahan kimia seperti klorofluorokarbon (CFC), Halon, karbontetraklorida (CTC), Metil Bromida (MBr) dan hidroklorofluorokarbon (HCFC) di atmosfera. Pendedahan yang berlebihan kepada sinaran UV boleh menyebabkan barah kulit, sakit mata, melemahkan sistem ketahanan badan dari penyakit dan memberi kesan kepada rantaian makanan.

Malaysia telah berjaya menghapuskan bahan-bahan pemusnah ozon seperti CFC, Halon dan CTC sejak Januari 2010. Pada 1 Januari 2015, penggunaan Metil Bromida sebagai racun makhluk perosak dalam sektor pertanian dan pewartan komoditi dan bangunan tidak lagi dibenarkan di Malaysia. Walau bagaimanapun, penggunaan MBr masih dibenarkan bagi aktiviti kuarantin dan rawatan praperkapalan bagi mencegah kemasukan makhluk perosak.

Pada 16 September setiap tahun, Malaysia bersama-sama dengan 197 negara yang menjadi parti kepada Protokol Montreal Mengenai Bahan Pemusnah Lapisan Ozon meraikan Hari Ozon Antarabangsa. Tema sambutan pada tahun ini ialah **"Ozon dan Iklim: Terpelihara apabila seluruh dunia bersatu"**. Tema ini disokong dengan slogan **"Berusaha mengurangkan HFCs di bawah Protokol Montreal"** yang mana mencerminkan usaha kolektif semua negara ahli kepada Konvensyen Vienna dan Protokol Montreal dalam memulihara lapisan ozon selama tiga dekad dan menyelamatkan bumi daripada kesan perubahan iklim.

***"OZON DAN IKLIM: TERPELIHARA APABILA
SELURUH DUNIA BERSATU"***

RESTORED BY A WORLD UNITED

